

Ruj: INSB/M/001-11/2021

Tarikh: 08 November 2021

KEPADA YANG BERKENAAN

**PER : NOTIS PENYAMBUNGAN PENYEDIA PERKHIDMATAN SISTEM PENGAWASAN
KEBAKARAN AUTOMATIK (SPKA)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman Tuan/Puan, pihak kami (iSnet) telah dilantik semula oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi Syarikat Penyedia Perkhidmatan Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik (SPKA) bagi tempoh **tiga (3) tahun** bermula dari **25 Oktober 2021 sehingga 24 Oktober 2024**. Dilampirkan bersama surat ini, salinan surat hebahan daripada JBPM untuk rujukan pihak Tuan/Puan.

3. Disebabkan pelantikan semula ini, pihak kami memohon agar pihak Tuan/Puan memberi kebenaran dan kerjasama kepada pihak kami untuk menjalankan tugas bagi memastikan menyediakan perkhidmatan SPKA ditahap terbaik di premis Tuan/Puan. Oleh yang demikian, mohon untuk pihak Tuan/Puan berurusan dengan pihak kami bagi pemasangan, pembayaran yuran tahunan atau penyambungan semula perkhidmatan SPKA.

Kerjasama daripada pihak Tuan/Puan amatlah dihargai. Untuk sebarang pertanyaan, boleh terus hubungi pihak kami di talian **+603-6150 0559**.

Sekian, Terima Kasih

Yang benar,

iSCADA NET SDN BHD



DATO SAIPUDDIN BIN AHMAD

Pengarah Urusan



s.k:

Fail Syarikat



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM.IP.BKK:700-7/3/3 Jld. 9 (65)
Tarikh : 3 November 2021

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan,

PELANTIKAN SYARIKAT PENYEDIA PERKHIDMATAN SISTEM PENGAWASAN KEBAKARAN AUTOMATIK (SPKA) BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman Tuan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah melantik Syarikat iScada Net Sdn. Bhd. sebagai penyedia perkhidmatan Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik (SPKA) bagi tempoh **tiga (3) tahun** bermula dari **25 Oktober 2021 sehingga 24 Oktober 2024**.

3. Sehubungan dengan itu, dalam memastikan SPKA dapat dilaksanakan secara teratur dan mematuhi keperluan Undang-Undang, mohon kerjasama pihak Tuan untuk mematuhi ketetapan seperti berikut :

3.1 Bagi pemasangan baharu, permohonan pemasangan SPKA hendaklah melalui penyedia perkhidmatan yang dilantik bagi bangunan yang perlu disediakan sepertimana termaktub di dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984 atau Sarawak Building Ordinance (SBO) 1994.

3.2 Bagi bangunan yang telah dipasang SPKA, sistem hendaklah diaktifkan semula dan dipastikan ianya berfungsi dengan baik.

4. Kerjasama dan perhatian pihak Tuan mengenai perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' SRI Ts. MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

“CEPAT DAN MESRA”

